

# Suspek kes tipu pakej haji kena reman tiga hari

Polis Selangor  
teruskan  
siasatan agensi  
pelancongan  
disyaki jadi dalang

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Selangor akan meneruskan siasatan ke atas agensi pelancongan yang dipercayai mendalangi penipuan pakej haji, yang mengakibatkan kira-kira 380 jemaah haji terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Ashari Abu Samah, berkata kelima-lima suspek diserahkan kepada Polis Selangor, semalam untuk membolehkan Polis Selangor menyambung siasatan berhubung kes yang dilaporkan di negeri itu pula.

Beliau berkata, siasatan dijalankan pihaknya ke atas suspek, termasuk pemilik sebuah agensi pelancongan itu sudah selesai.

"Pada peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju, proses rakam keterangan serta siasatan sudah selesai dan kini dalam proses melengkapkan kertas siasatan untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada BH.

Beliau turut memaklumkan tiada sebarang tangkapan baha-

Pernilik agensi pelancongan ditahan, kerugian lebih RM2.3 juta



Keratan  
akhbar BH,  
semalam.

ru berkaitan kes ini dilakukan oleh pihaknya.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed, mengesahkan perkara itu dan menjelaskan, siasatan akan dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor.

"Semua suspek kini direman selama tiga hari bermula hari ini (semalam) hingga 12 Julai ini (esok) untuk membantu siasatan," katanya.

Kelmarin, Ashari memaklumkan sebanyak 23 laporan polis diterima di Kuala Lumpur daripada mangsa, membabitkan kerugian lebih RM760,000, dengan 18 laporan polis diterima IPD Wangsa Maju.

Berikutan itu, pihaknya menahan lima individu di beberapa lokasi sekitar ibu negara untuk membantu siasatan yang dija-



Mangsa terkandas membuat laporan di Balai Polis KLIA, Sepang, kelmarin.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

lankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu melakukan penipuan.

Tangkapan terdiri daripada pemilik sebuah agensi pelancongan dan isterinya, seorang ejen serta dua pekerja di pejabat agensi pelancongan terbabit di Danau Kota, Setapak.

Ketua Setiausaha Polis Ma-

laysia, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin, dalam satu kenyataan, kelmarin berkata sebanyak 57 laporan polis diterima Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan kes itu membabitkan kerugian lebih RM2.3 juta.

"Sebanyak 25 laporan polis diterima Polis Selangor membabitkan kerugian berjumlah RM620,000, manakala 23 lagi laporan polis diterima Polis Kuala Lumpur membabitkan kerugian RM766,500.

Katanya, empat laporan polis diterima Polis Pahang, membabitkan kerugian berjumlah RM874,000, satu kes di Pulau Pinang (RM32,000), Perak (RM25,000), Negeri Sembilan (RM16,000), Terengganu (RM38,000) serta satu laporan di Johor.

“ Pada peringkat IPD Wangsa Maju, proses rakam keterangan serta siasatan sudah selesai dan kini dalam proses melengkapkan kertas siasatan untuk tindakan selanjutnya ”

Ashari Abu Samah,  
Ketua Polis Daerah Wangsa Maju

